

# **EKSTREMISM ISLAM DI ALAM MELAYU: Satu pengenalan**

**Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli, Mohd Imran Abdul Razak,  
Muhammad Ikhlas Rosele, & Siti Maimunah Kahal**

*Akademi Pengajian Islam, University of Malaya, Malaysia  
faqir\_ila\_rabbih@um.edu.my*

## **ABSTRACT**

From the outset, Islamization process of the Malay world had transpire in the peaceful manner. This peaceful atmosphere continues to run until the advent of Western colonial powers. Recently, the phenomenon of extremism has grown to Malay world. It has been defame Islam and the Malay world region. On the basis of that, this study will analyze this so called Islamic extremism through Maqasid's method. As a result, it is proven that such religious extremism is contrary to the teachings of Islam as well as the culture of Malay world.

## **KEYWORDS**

religious extremism; maqasid; khawarij; salafi jihad

## **PENGENALAN**

Artikel ini akan mengkaji fenomena ekstremism agama di kalangan penganut Islam menggunakan analisa Maqasid. Walaupun fokus utama akan diberikan kepada realiti ekstremis di Malaysia, ia juga akan dikaitkan dengan gerakan ekstrem luar. Ia dibahagi kepada beberapa bahagian (i) apakah kaedah analisa maqasid; (ii) fokus kumpulan ekstrem dan (iii) analisa maqasid terhadap fokus kajian.

## **APA DAN BAGAIMANA ANALISA MAQASID**

Ia adalah kaedah penggunaan intelektual manusia berfikir, bertindak dan menilai sesuatu perkara yang berpandangan jauh, luas, futuristik dan bersepadu memahami falsafah syariah Islam ditaklifkan. Ia bukannya statik, literal, formalistik dan menghukum. Walaupun ia agak flexible tetapi tidak meninggalkan prinsip asas Islam - yang menekankan prinsip Tauhid, Rasionalistik, Societal (mementingkan kepedulian masyarakat) dan World Affirmative (dunia sebagai tempat berguna).

## FOKUS KAJIAN

Maklumat asas fokus kajian ini diperolehi daripada tulisan pakar yang terlibat dalam aktiviti Counter Terrorism.<sup>1</sup> Ia berasaskan teori gerakan sosial yang mendapati munculnya gerakan ekstremis Islam disebabkan oleh faktor sosial sesuatu lokasi tertentu. Kemunculan gerakan ini lebih didorong oleh faktor respon penganut Islam terhadap kezaliman yang dilakukan oleh pemerintah. Dalam proses ini, ia mendapat suntikan idea daripada pemikir Islam yang mempergunakan prinsip-prinsip Islam. Maknanya, gerakan ekstremis agama ini bukannya disebabkan oleh ajaran Islam itu sendiri, tetapi hasil buatan manusia yang mempergunakan idea Islam untuk kepentingan mereka.<sup>2</sup>

Fokus kajian ini adalah golongan yang melakukan ekstremism dan keganasan (terorisme) menggunakan nama Islam, walaupun pada dasarnya tindakan ini bertentangan sama sekali dengan Islam. Golongan ini terdiri daripada kumpulan khawarij dan salafi jihad. Mengikut pakar barat, gerakan salafi pada hakikat terbahagi kepada tiga jenis: Salafi dakwah, politik dan salafi jihad. Dua salafi yang awal ( dakwah dan politik) mengajak masyarakat berpegang kepada apa yang diamalkan oleh generasi salaf tanpa dan memusuhi tindakan ekstremism. Manakala salafi jihad pula menggunakan pendekatan revolusi untuk mencapai maksud mereka. Atas dasar itu, salafi jihad dianggap sebagai fahaman neo khawarij bentuk baru yang timbul selepas kematian Syed Qutb.<sup>3</sup> Mereka memperjuangkan penubuhan negara Islam yang menguatkuasakan Undang-undang Islam melalui jalan revolusi. Mereka tidak bertolak ansur dengan sebarang elemen menyimpang seperti bid'ah yang berlaku dalam masyarakat dan akan berusaha menghapuskannya melalui jalan kekerasan.<sup>4</sup>

Buat masa kini golongan salafi jihad berpusat di Afghanistan, Irak, Syria dan Asia Tenggara. Ia bergerak secara sembunyi di beberapa negara blok barat seperti eropah, Amerika dan Australia. Secara geneologinya, gerakan salafi jihad ini mendapat idea asas daripada penulisan Syed Qutb tentang konsep *Jahiliyah Moden* dan *Hukumiah*<sup>5</sup>, manakala bentuk keahlian dan organisasinya yang tersusun wujud selepas berlakunya penaklukan Aghanistan oleh kuasa Rusia. Ramai pejuang Islam daripada seluruh dunia telah pergi turut sama berperang melawan kuasa Rusia. Semasa di Afghanistan dan Pakistan mereka telah menerima fahaman radikal dan

---

<sup>1</sup> Lihat sebagai contohnya Kate Ferguson (2016), *Countering Violent Extremism Through Media And Communication Strategies : A Review Of The Evidence*, The Partnership For Conflict, Crime And Security Research, University Of Cambridge.

<sup>2</sup> Erika Mae Lorenzana Del Villar (2013), *Terror As A Social Movement Tactic : Applying The Multi-Institutional Politics Apparoch To The Case Of Abu Sayyaf Group*, Tesis Sarjana Untuk University Of Connecticut.

<sup>3</sup> Quitan Wiktorowicz (2005), A Genealogy Of Radical Islam, *Studies In Conflict And Terrorism*, v. 26, h. 75-97.

<sup>4</sup> Mohamed Bin Ali (2012), *The Islamic Doctrine Of Al-Wala Wal Bara (Loyalty And Disavowal) In Modern Salafism*, Tesis Ph.D University Of Exeter, h. 155-187.

<sup>5</sup> Bubalo, A., & Fealy, G. (2005). *Joining the Caravan? The Middle East, Islamism and Indonesia* New South Wales, The Lowy Institute for international Policy, h. 7

latihan ketenteraan di kem *Herat*, *Sa'ada* dan *Torkham*.<sup>6</sup> Kem-kem latihan ini mendapat pembiayaan daripada Arab Saudi dan CIA.<sup>7</sup> Terdapat beberapa tokoh utama yang terlibat dalam proses indoktrinasi ini terdiri dari Usamah Bin Laden, Ayman Zawahiri, Abu Mus'ab Zaraqawi dan Abdullah Azam ideologe utama yang mengasaskan ideologi salafi jihad ini.<sup>8</sup>

Selepas perang Aghanistan tamat, pejuang-pejuang ini telah pulang ke tempat asal masing-masing dengan membawa fahaman salafi jihad. Hasil, mereka mengasaskan pelbagai rangkaian gerakan salafi jihad yang berbeza mengikut kawasan;

1. Al-Qaeda sebagai pusat asas gerakan di Afghanistan.
2. Bay'at Imam di Jordan di bawah Abu Musab Zaraqawi yang kemudiannya berkembang menjadi ISIS
3. Individu di barat yang bertindak sebagai *Lone Wolf* yang mana walaupun tidak bernaung di bawah Al-Qaeda, tetapi bersimpati dan menerima fahaman salafi jihad ini. Mereka terlibat melakukan aktiviti keganasan terhadap kepentingan dan kawasan awam di barat.<sup>9</sup>
4. Abu Sayyaf di selatan Filipina.
5. Jemaah Islamiyyah<sup>10</sup> dan pecahannya KMM di Asia Tenggara. Antara nama-nama yang terkenal Abu Bakar Bashir, Abdullah Sungkar, Hambali, Dr Azhari, Nordin Mat Top, Imam Samudera, Zainon Ismail, Nik Adli Nik Mat dan banyak lagi.<sup>11</sup>

Di Malaysia, bekas pejuang daripada Afghanistan dan Pakistan ini telah menubuhkan persatuan MASSA-Pakindo (*Persatuan Bekas Pelajar Pakistan, India dan Indonesia*). Tujuan MASSA-Pakindo adalah untuk memantau, menyelaraskan dan meneruskan penyebaran dan aktiviti keganasan di Malaysia. Mereka juga turut berusaha menghidupkan jalinan dengan bekas pejuang salafi jihad lain yang ada di seluruh dunia.<sup>12</sup> Jalinan ini lebih khusus lagi membabitkan rakan-rakan

---

<sup>6</sup> Mohd Mizan Mohammad Aslam (2009), *A Critical Study Of Kumpulan Militant Malaysia, Its Wider Connections In The Region And The Implications Of Radical Islam For The Stability Of Southeast Asia*, Tesis Ph.D Untuk Victoria University Of Wellington.

<sup>7</sup> Carr, C. (2002). *The Lessons of Terror*. London, Little Brown, h. 239-240

<sup>8</sup> Barbara P. Benson (2015), *The U.S. Counterterrorism Strategy: Addressing Radical Ideologies*, Tesis Sarjana Naval Academy, Fort Leavenworth, Kansas

<sup>9</sup> Dickson, L.W.(2015), *Lone Wolf Terrorism. A Case Study: The Radicalization Process of a Continually Investigated & Islamic State Inspired Lone Wolf Terrorist*, Degree project, Malmö University.

<sup>10</sup> Zulkifli Mohd Yusoff (2005), Gerakan Teroris Dalam Masyarakat Islam : Analisis Terhadap Gerakan Jemaah Islamiyah (JI), *Jurnal Usuluddin*, bil 21, h. 39-62.

<sup>11</sup> Kamarulnizam Abdullah (2009), The Augmentation Of Radical Ideas And Th Role Of Islamic Educational System In Malaysia, *Studia Islamika : Indonesian Journal For Islamic Studies*, 16 (1), h. 79-106.

<sup>12</sup> Mohd Mizan Mohammad Aslam (2009), *A Critical Study Of Kumpulan Militant Malaysia, Its Wider Connections In The Region And The Implications Of Radical Islam For The Stability Of Southeast Asia*, h. 101-108.

seperjuangan yang ada di Asia Tenggara seperti Indonesia, Selatan Thailand<sup>13</sup>, Singapura, Filipina dan Australia.

### **BUTIRAN FAHAMAN EKSTREMISM AGAMA**

Golongan Khawarij sebagai ekstremis agama terawal mempunyai beberapa fahaman utama;<sup>14</sup>

1. Pemahaman agama Islam yang terdapat dalam Quran dan sunnah perlu dibuat secara literal semata-mata, serta ianya harus diamalkan sepenuhnya.
2. Pandangan mereka sahaja yang paling betul dan sesiapa yang bertentangan pendapat dengan mereka akan diisytiharkan sebagai kafir dan halal darahnya. Bahkan lebih teruk lagi, semua anggota keluarga golongan yang berbeza pendapat dengan mereka halal darah mereka, termasuklah kaum perempuan dan kanak-kanak.
3. Kawasan yang menjadi tempat tinggal mereka akan dianggap sebagai Dar Islam, sedangkan daerah Islam yang lain adalah Dar al-Kufr yang wajib diperangi. Seluruh penduduk daerah Dar al-Kufr ini adalah bertaraf musyrik, tidak kira samada dewasa ataupun kanak-kanak.
4. Sesiapa yang melakukan dosa besar ataupun kecil secara berterusan akan menjadi kafir secara mutlak dan seandainya mati ianya akan kekal di dalam neraka.

Asas yang diletakkan oleh khawarij ini dikembangkan oleh salafi jihad menjadi;<sup>15</sup>

1. Perjuangan didorong oleh semangat perang Salib melawan kuasa barat perlu diteruskan. Musuhnya terdiri daripada semua blok kuasa barat dan zionisme yang wajib diperangi menggunakan kaedah kekerasan. Terbaru, musuh utama turut diperpanjangkan kepada mazhab Syiah – Kes *Kumpulan al-Qaeda* di bawah pimpinan Abu Mus'ab al-Zarkawi dan ISIS di Iraq.
2. Penubuhan sistem khalifah Islam hanya dilakukan melalui jalan revolusi. Ia bukan sekadar suatu alternative, tetapi suatu kewajiban Syar'i berdasarkan perintah dan kehendak Allah. Kerana itu setiap penganut Islam harus patuh dengan mematuhi kehendak Allah ini. Sebarang keengkar dianggap sebagai memusuhi perintah Allah. Dalam banyak hal, mereka tidak mempedulikan soal masalah atau ketentuan syarak dalam membuat keputusan. – Kes pemerintahan *Taliban* dan ISIS.
3. Memandangkan legitimasi pemerintah Islam didasarkan kepada syariah Allah, maka pemerintah yang tidak mematuhi syariah adalah tidak sah. Mana-mana

---

<sup>13</sup> Wattana Sugunnasil (2006), Islam, Radicalism And Violence In Southern Thailand, *Critical Asian Studies*, 38:1, h. 119-144.

<sup>14</sup> Craig Anthony Green (2009), *The Khawarij And The Creed Of Takfeer : Declaring A Muslim To Be An Apostate And Its Effects Upon The Modern Day Islamic Movement*, Tesis Sarjana Untuk University Of South Africa.

<sup>15</sup> Erich Iviequardt & Christopher Heffelfinger (t.t.), *Terrorism & Political Islam : Origins, Ideologies, And Methods A Counterterrorism Textbook*, 2nd Edition, United States Military Academy, West Point, New York.

- pemerintah dan individu Islam yang tidak mematuhi syariah Allah akan dianggap bersalah dan kafir yang diperangi menggunakan konsep Jihad – Kes pembunuhan Anwar Sadat oleh pengikut kumpulan *Takfir wa al-Hijrah*
4. Program penentangan terhadap pemerintah Islam yang engkar perlu diperluaskan dengan memerangi ulamak rasmi berserta dengan semua pasarananya (seperti masjid dan sekolah) yang dilihat bergabung dengan pihak pemerintah- Kes *Jemaah Islamiyyah* dan *Front Pembela Islam* di Indonesia.
  5. Jihad melawan kekafiran dan golongan yang bersimpati dengannya adalah dianggap sebagai tugas suci. Oleh sebab itu memerangi golongan ini diwajibkan ke atas semua Mukmin sejati, yang perlu juga diperluaskan kepada semua golongan awam dan kepentingan mereka. Ia menuntut komitmen kesetiaan dan ketaatan yang total. Bagi mereka, seseorang itu dilihat dari segi status keagamaannya, hanya berada dalam dua keadaan semata-mata; samada Islam ataupun kafir.
  6. Fahaman Takfirism;<sup>16</sup> tindakan mengkafirkan golongan yang tidak sependapat dengan pemikiran mereka. Implikasinya darah orang yang dikafirkan, termasuk ahli masyarakat awam yang tidak sependapat dengan mereka dianggap sebagai halal. Jadi, bagi mereka diharuskan untuk membunuh lawan dan orang awam yang bersekongkol dengan lawan mereka. Bahkan mereka lebih selesa membunuh sesama Islam daripada membunuh orang bukan Islam sendiri.<sup>17</sup>
  7. Golongan Kristian dan Yahudi dianggap sebagai kafir, dan bukannya sebagai Ahli Kitab kerana hubungan mereka dengan kuasa kolonialisme barat dan Zionisme. Mereka dipandang sebagai rakan rapat dalam sebuah konspirasi Yahudi-Kristian melawan Islam dan dunia Islam.
  8. mereka mewujudkan fahaman berbentuk binari (wujud musuh yang saling bertentangan ; *Dar Harb* dan *Dar Islam*). Dar Harb adalah musuh mutlak Islam. Mereka memusuhi semua perkara baru yang datang daripada barat. Barat dianggap sebagai darul harbi yang wajib diperangi dan dilakukan keganasan yang mengorbankan nyawa penduduk dan aset masyarakat. Mereka sangat mengalakkan pengikut mereka memusuhi dan memerangi semua elemen yang berkaitan dengan barat.<sup>18</sup>
  9. Generasi muda Islam digalakkan untuk terlibat di dalam memerangi golongan kafir sebagai anti tesi kepada golongan Islam, yang dikatakan bakal memperoleh status mati syahid seandainya sanggup mengorbankan dirinya dalam pengeboman berani mati.

## HASIL ANALISA MAQASID

---

<sup>16</sup> Mohamed Bin Ali (2012), *The Islamic Doctrine Of Al-Wala Wal Bara (Loyalty And Disavowal) In Modern Salafism*, Tesis Ph.D University Of Exeter, h. 188-219.

<sup>17</sup> Zulkarnain Haron (2013), A Study Of The Salafi Jihadist Doctrine And The Interpretation Of Jihad By Al-Jamaah Al-Islamiyah, *Kemanusiaan*, v. 20, no 2. H. 15-37

<sup>18</sup> Gregory R. Kippe (2010), *Jemaah Islamiyyah : Reevaluating The Most Dangerous Terrorist Threat In Southeast Asia*, *Master Of Arts In Security Studies, Naval Postgraduate School*.

Hasil analisa Maqasid terhadap fokus kajian ini kita mendapati beberapa perkara utama. Antaranya;

***Maslaha Ramalan Kemunculan Golongan Ghuluw (Ekstrem) di dalam masyarakat Islam.***

Tidak keterlaluan jika dikatakan kemunculan golongan ekstrem ini memang telah diramalkan oleh Rasulullah sendiri. Rasulullah dengan bantuan wahyu Allah telah memaklumi sifat manusia yang pelbagai. Selain ada manusia yang mengambil sifat pertengahan sehingga melahirkan keseimbangan kehidupan, terdapat juga sesetengah manusia yang melampaui batas dengan menggunakan pendekatan Ghuluw dalam kehidupan beragama. Di sinilah letaknya kepentingan Rasulullah yang menetapkan garis panduan wasatiah untuk kegunaan umat Islam. Elemen golongan Ghuluw ini kemudiannya telah diperincikan oleh sarjana Islam. Dalam perkembangan terkini, andainya kita bandingkan butiran ghuluw yang kedapatan di zaman Rasulullah dengan gerakan salafi jihad, ternyata persamaannya memang jelas kelihatan. Terpenting lagi, kesemua tindakan ekstrem ini bertentangan secara mutlak dengan ketiga *Maslaha Daruri, Tahsini Dan Hajiyiy* yang terkandung dalam konsep Maqasid Syariah.

Dalam sejarah Islam yang awal, kita dapat mengesan beberapa peristiwa elemen ghuluw ini. Antaranya;

*Pertama*, kisah Dzul Khuwaisirah mengherdik Rasulullah kerana tidak puashati dengan cara Rasulullah membahagikan harta rampasan perang Hunain. Beliau memberikan seratus ekor unta kepada Aqra' bin Habis dan Uyainah bin Harits. Beliau juga memberikan kepada beberapa orang dari tokoh Quraisy dan ketua suku Arab lebih banyak dari yang diberikan kepada yang lain. Melihat hal ini, Dzul Khuwaisirah dengan marah berkata: "*Demi Allah ini adalah pembagian yang tidak adil dan tidak mengharapkan wajah Allah*". Pada masa generasi terbaik dan di hadapan manusia terbaik pula, ada seorang yang berani menuduh Rasulullah tidak berlaku adil. Mendengar kata-kata ini Rasulullah bersabda: "*Siapakah yang akan berbuat adil jika Allah dan rasul-Nya tidak berbuat adil? Semoga Allah merahmati Musa. Dia disakiti lebih dari pada ini, namun dia bersabar.*" (HR. Bukhari Muslim) Rasulullah menerangkan bahawa akan muncul daripada keturunan orang ini kaum pelampau agama. Para ulama menyatakan generasi penerus Dzul Khuwaisirah ini, di zaman kemudiannya menjadi golongan Khawarij. Dalam hadis yang lain, Rasulullah menggambarkan ciri-ciri golongan ini: *Sesungguhnya akan keluar dari keturunan orang ini satu kaum; yang membaca Alquran, namun tidak melewati kerongkongannya. Mereka membunuh kaum muslimin dan membiarkan para penyembah berhala. Mereka akan keluar dari Islam ini sebagaimana keluarnya anak panah dari buruannya. Jika sekiranya aku menemui mereka, pasti aku bunuh mereka seperti terbunuhnya kaum Aad.*" (HR. Bukhari Muslim)

*Kedua*, kisah tiga Sahabat Rasulullah yang bertekad melakukan Ibadah secara melampau. Secara jelas, benih sikap ekstrem ini pernah diperlihatkan tiga orang sahabat Rasulullah ketika mereka bertanya kepada Aisyah tentang ibadah beliau.

Dicatatkan bahawa Aisyah menjawab tentang watak Rasulullah yang kuat beribadah. Ketiga-tiga sahabat tadi menjawab dengan tiga cabaran utama yang ingin mengamalkan ibadat mengatasi amalan Rasulullah. Pertama: “*Maka aku akan selalu shalat malam dan tidak akan tidur*”. Kedua: “*Adapun aku, maka aku akan berpuasa sepanjang hari dan tidak akan berbuka.*” Dan yang ketiga berkata, “*Sedangkan aku tidak akan menikah selama-lamanya*”. Mendengarkan hal ini, Rasulullah melarang mereka melakukannya dan berkata, “*Sedangkan aku, maka aku shalat malam dan tidur, berpuasa dan berbuka, dan menikahi wanita. Barangsiapa yang membenci Sunahku maka ia bukan dari golonganku.*” (HR. Ahmad, Abd bin Humaid, Bukhari, Muslim, Nasa’i, dan Ibnu Hibban dari Anas bin Malik).

Hadis ini menerangkan tentang elemen wasatiyyah dalam melakukan taklif syarak. Ia boleh dianggap sebagai langkah proaktif Rasulullah agar umatnya tidak terjebak dengan tindakan ekstrem (ghuluw). Sebaliknya, Rasulullah menerangkan bahawa sifat takwa itu bukanlah dengan bersikap ekstrem, berlebihan atau meremehkan, tetapi ia harus disertakan dengan sikap yang seimbang terhadap pelbagai tuntutan syariah.

*Ketiga*, kisah golongan Khawarij yang dicatat oleh Syahrastani. Dicapitkan, mereka telah melakukan kezaliman terhadap seorang sahabat Saidina Ali dengan cara membelah perut isterinya dan mengeluarkan janinnya. Setelah itu dalam keadaan pedang masih berlumuran darah, mereka memasuki kebun kurma milik seorang Yahudi. Pemilik kebun itu ketakutan lalu berkata: *Ambillah seluruhnya apa yang kamu mahu*. Ketua khawarij itu menjawab dengan: “*Kami tidak akan mengambilnya kecuali dengan membayar harganya*. Apa yang boleh difahami adalah walaupun mereka mempunyai kesungguhan dalam beribadah; tetapi mereka menghalalkan darah umat Islam. Untuk itu mereka tidak segan-segan melakukan keganasan terhadap umat Islam sendiri.

Sihabuddin Afroni dalam mengulas peristiwa catatan Syahrastani ini menambah bahawa kebanyakannya golongan Khawarij ini berusia muda dan belum mencapai kematangan sejati. Akibatnya, mereka hanya mengutamakan semangat dan emosinya, tanpa dilandasi oleh ilmu dan pertimbangan yang matang.<sup>19</sup> Fahaman khawarij dikesan tidak pernah pupus, sebaliknya berkembang secara tersembunyi di beberapa kawasan negara Teluk. Apa yang jelasnya saki baki ideologi khawarij kembali muncul apabila tercetusnya peluang seperti wujudnya anarki dalam masyarakat Arab selepas peristiwa Arab Spring.

Jika dilakukan perbandingan sifat ekstrem dalam ketiga-tiga riwayat di atas dengan amalan ekstrem yang dilakukan oleh gerakan salafi jihad, khususnya ISIS- ternyata ramalan yang dibuat oleh Rasulullah memang benar. Hal ini boleh dilihat daripada tindakan ekstrem yang dilakukan oleh ISIS di Syria dan Iraq. Ianya menjadi bahan utama yang didedahkan oleh media barat untuk membuktikan nisbah kezaliman

---

<sup>19</sup> Sihabuddin Afroni (2016), Makna *Ghuluw* Dalam Islam: Benih Ekstremisme Beragama, *Wawasan* 39, no 1, h. 71-87.

yang tidak berperikemanusiaan dilakukan oleh penganut Islam. Ia secara langsung menyumbang kepada buruknya citra Islam di pandangan masyarakat antarabangsa.

### ***Wujud Persamaan Antara Salafi Jihad Dengan Khawarij.***

Mengikuti pendapat penulis, fenomena ekstrem agama yang wujud sekarang diwakili oleh salafi jihad mempunyai persamaan dengan khawarij. Hasil kajian kritis menggunakan teori gerakan sosial jelas membuktikan hal ini.<sup>20</sup> Walaupun keduanya berbeza zaman tetapi mereka berkongsi falsafah yang sama. Fakta sunnatullah sejarah menyaksikan tabiat manusia pasti bergerak daripada titik yang sama dan ia akan berulang kerana faktor kejahilan, budaya dan persekitaran. Hal ini boleh dilihat daripada;

*Pertama*, persamaan bentuk dan pegangan asas Islam yang tidak bersifat wasatiyah samada di peringkat kognitif, afektif dan psikomotor. Ia terhasil akibat tidak memahami ajaran Islam mengikuti pendekatan yang sebenar. Ia bertepatan dengan teori budaya ilmu dan kehilangan adab, sehingga melahirkan sifat melampau ini.<sup>21</sup>

Hashim Musa dalam kajiannya tentang gerakan Islam di zaman global mendapati memang wujud gerakan Islam yang memilih pendekatan yang melampaui batas, yang boleh diperincikan sebagai;<sup>22</sup>

1. *Extremisme*; melampaui batas dan keseimbangan apabila mentafsir dan melaksanakan sesuatu peraturan ataupun hukum secara ekstrem.
2. *Chauvisnisme*; taksub apabila menganggap fikiran atau kumpulan sendiri adalah yang terbaik, manakala fikiran atau kumpulan lain tidak benar dan mesti ditolak.
3. *Fanaticisme*; tindakan membuta tuli (menghampiri psikosis) dalam mengikuti dan melaksanakan sesuatu cara, pendapat dan pendekatan sendiri tanpa mempedulikan bahkan menolak sekeras-kerasnya pendapat orang lain.

Qardawi berpendapat dalam menghadapi apa-apa isu sekalipun penganut Islam perlu mengambil pendekatan wasatiyah. Intipati pandangannya diberikan untuk memperlihatkan pertentangan yang ketara antara wasatiyyah dengan sifat ekstrem yang dipegang oleh sesetengah umat Islam;<sup>23</sup>

1. Sikap pertengahan di antara golongan yang menyeru kepada amalan bermazhab yang sempit dengan golongan yang menyeru kepada kebebasan dari terikat dengan mazhab secara mutlak.

---

<sup>20</sup>Joas Wagemakers (2014), 'Seceders' And 'Postponers'? An Analysis Of The 'Khawarij' And 'Murji'a' Labels in Polemical Debates Between Quietist And jihadi-Salafis, dalam Jeevan Doel & Zahir Kazmi (Eds), *Contextualising Jihadi Thought*, London : Hurst & Co, h. 145-164.

<sup>21</sup>Wan Mohd Nor Wan Daud (2010), Containing Muslim Extremism and Radicalism' *International Journal of the Malay World and Civilisation* 28(1), h. 241-252.

<sup>22</sup>Hashim Musa (2004), *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia Menghadapi Globalisasi Barat*, Kuala Lumpur : Penerbit UM, h. 232.

<sup>23</sup>Mohd Anuar Ramli (2016), *Pendekatan Wasatiyyah Bagi Menangani Ikhtilaf Fiqh Dalam Kalangan Masyarakat Islam Nusantara*, [www.researchgate.net/publication/281642939](http://www.researchgate.net/publication/281642939)



2. Sikap pertengahan di antara golongan yang berhukum dengan akal semata-mata walaupun menyalahi nas yang qat'i dengan golongan yang menafikan peranan akal walaupun untuk memahami nas.
3. Sikap pertengahan di antara golongan yang bersikap keras dan ketat walaupun dalam perkara-perkara furu' dengan golongan yang bersikap bermudah-mudah walaupun dalam perkara-perkara usul.
4. Sikap pertengahan di antara golongan yang terlalu memuliakan turath walaupun realiti semasa sudah berubah dengan golongan yang mengabaikan turath walaupun di dalamnya terdapat panduan yang berguna.
5. Sikap pertengahan di antara golongan yang mengingkari peranan ilham secara mutlak dengan golongan yang menerimanya secara melampau, sehingga menjadikannya sumber hukum syara'.
6. Sikap pertengahan di antara golongan yang berlebihan dalam mengharamkan, sehingga seperti tiada sesuatupun perkara yang halal dengan golongan yang terlalu mudah menghalalkan seakan tiada sesuatupun perkara yang haram.
7. Sikap pertengahan di antara golongan yang mengabaikan nas dengan alasan untuk menjaga maqasid syariah dengan golongan yang mengabaikan maqasid syariah dengan alasan untuk menjaga nas.

*Kedua*, persamaan konstektual. Khawarij lahir daripada budaya ekstrem padang pasir dan kejahilan kerana baru memeluk Islam. Manakala Salafi jihad lahir melalui konstektual penindasan pemerintah Mesir terhadap gerakan Islam. Selepas pembunuhan Syed Qutb, pendokong awal proto-salafi jihad merasakan bahawa sistem demokrasi tidak akan membantu perjuangan mereka yang menyebabkan mereka menukar haluan kepada pendekatan revolusi.<sup>24</sup> Ia juga lahir dalam suasana budaya dan iklim melampau seperti Afghanistan. Mengikut teori Ibn Khaldun, faktor iklim dan persekitaran akan membentuk watak manusia yang kasar dan keras. Sifat dan perwatakan ini perlu dibimbing sepenuhnya melalui institusi pendidikan Islam.<sup>25</sup>

Kajian mendapati bahawa Pelajar Daesh Malaysia yang terlibat dalam perang melawan kuasa soviet di Afghanistan memang terpengaruh dengan ideologi dan tabiat budaya eskترم ini yang kemudiannya cuba membawanya ke Asia Tenggara. Hal ini memang bertentangan dengan tabiat masyarakat Alam Melayu tidak akan menerima pendekatan sebegini.<sup>26</sup> Satu hal lagi, pemergiaan pelajar Malaysia ke sana bukan didorong kerana tujuan menuntut ilmu di bawah semangat rehlah ilmiah, tetapi semata-mata ingin berperang dan mendapat status mati syahid.

---

<sup>24</sup> Mikaila Ellis Altenbern (2011), *Prospects For Resolving Conflicts Involving Religious Terrorists : Afghanistan, The Taliban And Strategic Jihad*, Tesis Sarjana Untuk University Of Malta.

<sup>25</sup> Ibn Khaldun, *Muqaddimah Al-Allamah Ibn Khaldun*, Dar Al-Fikr, T.T., h. 82-95.

<sup>26</sup> Idris Zakaria (2003), "Islam dan Amalan Toleransi di Nusantara", dalam *Jaringan Dakwah Malaysia Indonesia*, Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), h. 150-164.

Bahkan, dalam realiti Malaysia golongan ini sangat berbangga dengan pengalaman ini. Hal ini terbukti apabila mereka mewujudkan persatuan bekas pejuang Afghanistan untuk melanjutkan idealism ini di Malaysia. Tidak hairan lah apabila mereka meneruskan budaya dan aktiviti keganasan di Malaysia.

*Ketiga*, persamaan sifat jahil dan bebal. Fakta sejarah mencatatkan bagaimana Khawarij enggan menerima pandangan Saidina Ali tentang sebab kenapa Majlis Tahkim dengan Muawiyah bin Abi Sufyan dilakukan. Bahkan lebih dasyat lagi mereka telah berkomplot membunuh Saidina Ali, *Pintu Ilmu Pengetahuan Islam* ini. Salafi jihad juga enggan menerima pandangan ulamak Islam yang muktabar, tetapi bertaqlid hanya kepada tokoh rujukan idola mereka semata-mata. Lagipun, keahlian golongan ini dicatatkan terdiri daripada golongan muda yang cetek agama tetapi kuat semangat untuk memperjuangkan Islam. Lebih rinci lagi, kita mendapati;

1. keduanya mencabar *Dominant Tradition* Islam yang terbina lebih awal. Khawarij menolak world-view kefahaman Islam, khususnya sistem khalifah yang terbina sebelumnya oleh Sahabat-Sahabat besar. Salafi jihad juga menolak sistem kerajaan Islam semasa kerana dianggap menerima warisan penjajah barat.
2. Keduanya menolak elemen konstektual dalam perjuangan Islam. Khawarij menyamakan gaya pemerintahan Ali dengan Muawiyah. Salafi jihad juga menegaskan semua kerajaan umat Islam semasa sebagai sesat (Toghut) dan mengikut dasar barat. Sistem kerajaan Malaysia secara mutlaknya disamakan dengan kerajaan bukan Islam. Mereka enggan menerima hakikat bahawa hal ini berlaku kerana faktor sejarah kita pernah dijajah dan terpaksa mewarisi sistem pemerintahan westminister British.<sup>27</sup> Sedangkan, selepas merdeka memang dilakukan usaha penambahbaikan ke atas sistem warisan British ini.
3. Keduanya memilih tindakan yang melampau dalam operasi gerakan. Khawarij mengutamakan aksi melampau ini dengan melakukan beberapa siri keganasan yang menumpahkan darah umat Islam. Tindakan ini telah menyebabkan Saidina Ali seorang yang tidak menyukai peperangan sesama Islam memerangi mereka habisan dalam perang Nahrawan. Bahkan di akhir hayatnya, Ali telah berpesan kepada kedua puteranya; *berhati-hati dengan golongan sesat ini, yang akan merosakkan kesucian Islam dan zuriat mereka akan sentiasa ada di tulang sulbi ayah-ayah mereka*. Salafi jihad turut melakukan hal yang sama. Contohnya, mereka menghalalkan tindakan pengeboman bunuh diri tanpa menghiraukan nasib orang awam yang tidak berdosa.<sup>28</sup>

---

<sup>27</sup> Mohd. Noor Mat Yazid (2014), Colonial Policy And The Impact To The Politico-Economy Stability After Independence: The Case Of Indonesia Under The Dutch And Malaysia Under The British, *Review of History and Political Science* , December 2014, Vol. 2, No. 3 & 4, h. 69-84.

<sup>28</sup> Craig Anthony Green (2009), *The Khawarij And The Creed Of Takfeer : Declaring A Muslim To Be An Apostate And Its Effects Upon The Modern Day Islamic Movement*, Tesis Sarjana Untuk University Of South Africa.

Di Malaysia, walaupun secara relatifnya keadaan masyarakat yang aman tetapi golongan KMM (Kumpulan Militan Malaysia) telah memilih gerakan yang menjurus kepada keganasan. Secara jelasnya mereka sangat mengutamakan aksi keganasan. Beberapa contoh tindakan KMM ini;<sup>29</sup>

- a. KMM ditubuhkan bagi menumbangkan kerajaan menggunakan kaedah revolusi. Mereka berselindung secara rahsia dalam parti PAS yang dianggap satu-satunya platform perjuangan Islam sejati. Hal ini tetap diteruskan secara bersembunyi kerana mereka memaklumi PAS tidak akan bersetuju dengan pendekatan revolusi ini.
- b. mereka menyeludup dan menyimpan senjata dalam kapasiti yang banyak untuk digunakan apabila perlu.
- c. mereka melakukan aksi keganasan dengan mengebom kuil hindu, menyerang balai polis, merompak Southern bank, melakukan pembunuhan Joe Fernades (kononnya bertanggungjawab memurtadkan ramai gadis Melayu), mengancam untuk membunuh wanita Melayu yang murtad dan cubaan menyerang tentera Navy Amerika yang mendarat di Malaysia.
- d. Mereka terlibat dalam usaha indoktrinasi ahli daripada masyarakat awam dan pelajar IPT.

### ***Konsep Jihad Yang menyeleweng daripada prinsip Islam.***

Mereka menggunakan epistemologi tafsiran Islam yang simplistik dan literal. Akibatnya, mereka terjebak dalam pemikiran fanatik yang berbentuk legal formalistik; sikap suka menghukum orang lain sebagai salah. Khawarij memang bermasalah dengan pemahaman ilmu Islam. Bahkan ada kajian yang menunjukkan bagaimana golongan khawarij ini merupakan saki baki penerus gerakan Nabi Palsu, Musailamah al-Kazab yang menentang ajaran Islam.<sup>30</sup> Atas dasar itu bagi sesetengah sarjana Islam, status keislaman khawarij memang dipertikaikan.<sup>31</sup>

Salafi jihad juga dikesan enggan berpegang pada karya fuqaha klasik dianggap sebagai Taqlid dan bidah. Sebaliknya lebih bergantung kepada karya sarjana mereka sendiri yang sangat literal sifatnya. Hidup golongan muda ini disibukkan dengan aktiviti perang hingga gagal mendalami ilmu agama.<sup>32</sup> Buktinya boleh dilihat daripada karya Imam Samudera yang menjustifikasikan tindakan

---

<sup>29</sup> Maklumat ini boleh didapati secara lengkap dalam Mohd Mizan Mohammad Aslam (2009), *A Critical Study Of Kumpulan Militant Malaysia, Its Wider Connections In The Region And The Implications Of Radical Islam For The Stability Of Southeast Asia*, Tesis Ph.D Untuk Victoria University Of Wellington, h. 132-148.

<sup>30</sup> Al-Makin (2013), From Musaylima To The Kharijite Najdiyya, *Al-Jami'ah*, v.15, no 1, h. 35-53.

<sup>31</sup> Hamidreza Mohamadi Najafabadi (2014), Application Of Theory Of Social Forces : A Case Study Of Khawarij During The Reign Of Hazrat Ali, *International Journal Of Social Science And Education*, v. 4 issue 4, h. 772-780.

<sup>32</sup> Bruce Andrews Eggers (2011), *Addressing The Cause : An Analysis Of Suicide Terrorism*, Tesis Sarjana Untuk Colorado State University.

pengeboman Bali dengan hujah yang sangat lemah. Karya ringkasnya bertajuk *Aku Melawan Terorisme* telah dikritik oleh semua gerakan Islam Indonesia.

Pemakaian epistemologi ilmu yang salah boleh dilihat pada pemahaman mereka tentang konsep jihad. Memang diakui, pemahaman jihad yang dipegang oleh ISIS terbukti lemah dan salah. Tetapi apa yang ditakuti adalah idealism jihad yang salah ini telah berjaya mempengaruhi majoriti umat Islam seluruh dunia, termasuklah penganut Islam di Malaysia dan Indonesia. Hal ini berlaku kerana ISIS telah menggunakan kecanggihan ICT seperti youtube dan media sosial sebagai medium penyebaran dakwah mereka.<sup>33</sup>

Ringkasnya, memang betul pendapat ahli falsafah Islam bahawa pemahaman yang salah daripada asas yang salah hanya akan menjerumuskan seseorang ke lembah kehinaan. Ia akan sentiasa terjebak di dalam kitaran kerosakan (kemungkaran) yang berpanjangan.<sup>34</sup>

Antara pegangan konsep jihad salafi jihad yang kabur;

*Pertama*, ISIS mengajak umat Islam untuk bergabung memberi baiat dengan ISIS kerana mendakwa perjuangan ISIS adalah jihad yang diperintahkan oleh Islam. ISIS menyatakan berbaiat kepada ISIS dan mendukung segala bentuk perjuangannya akan mendapatkan pahala syurga. Dengan kata lain, ISIS mendakwa perjuangan mereka adalah misi jihad sesuai dengan ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah. Implikasi negatifnya adalah barangsiapa yang bergabung dengan ISIS akan menolak semua bentuk kerajaan yang tidak menjalankan syariah Islam. Atas dasar itu, setiap pengikut ISIS adalah anti kerajaan ataupun negara yang dapat mengugat kedaulatan dan ketaatan warganegara negara asalnya.<sup>35</sup> Sebabnya, bagi mereka hanya ada satu pemimpin yang wajib ditaati iaitu Abu Bakr Al Baghdadi.<sup>36</sup> Maknanya, ISIS sebenarnya adalah ancaman yang mengugat keutuhan sebuah negara seperti Malaysia.<sup>37</sup>

*Kedua*, mereka hanya memandang jihad sebagai perang fizikal semata-mata tanpa dikaitkan dengan usaha jihad lain membangunkan ilmu atau faktor ekonomi sosial yang baik untuk masyarakat Islam. Bahkan sesetengah sarjana Islam berpendapat tindakan mereka bukanlah jihad tetapi lebih tepat dikatakan sebagai Bughah kerana ianya zalim hingga sanggup menakutkan dan membunuh orang awam yang

---

<sup>33</sup> Jeanine De Roy Van Zuijdewjin (2014), *Fearing The Western Muslim Foreign Fighter : The Connection Between Fighting The Defensive Jihad And Terrorist Activity In The West*, Tesis Ph.D Untuk University Of Utrecht.

<sup>34</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud (2010), *Containing Muslim Extremism and Radicalism* *International Journal of the Malay World and Civilisation* 28(1), h. 241

<sup>35</sup> Douglas M. Weeks (2013), *Radicals And Reactionaries : The Polarisation Of Community And Government In The Name Of Public Safety And Security*, Tesis Ph.D Untuk University Of St Andrews, Scotland.

<sup>36</sup> Seth G Jones (2014), *A Persistent Threat: The Evolution of Al-Qa'ida and Other Salafi Jihadist*, London: Rand Corporation, h. 93

<sup>37</sup> Ahmad Sauffiyan (2016), *Daesh Isytihar Perang Terhadap Malaysia : Satu Tinjauan Awal*, [www.researchgate.net/publication/304554345](http://www.researchgate.net/publication/304554345).

tidak berdosa.<sup>38</sup> Hal yang sama turut dikesan dalam salafi jihad. Salafi jihad menyamai ideologi khawarij yang memaksa orang bukan Islam memeluk Islam, menghalalkan darah individu dan keluarga bukan Islam,<sup>39</sup> menggunakan pelbagai teknik penyeksaan melampau serta dibolehkan menjadikan tawanan bukan Islam sebagai hamba.<sup>40</sup>

Imam Samudera, anggota Jemaah Islamiyyah yang bertanggungjawab dalam pengeboman Bali telah menjustifikasikan tindakannya dengan beberapa hujah yang amat cetek. Hal ini boleh dilihat daripada beberapa aspek. Antaranya,

1. Pandangannya terhadap pengaruh idealism Abdullah Azzam, tokoh rujukan utama yang terlibat melakukan indoktrinasi ideologi salafi jihad di Afghanistan.<sup>41</sup> Kelihatannya, tokoh ini berjaya menjadikan Imam Samudera yakin sepenuhnya dengan matlamat perjuangannya. Andainya ia seorang yang teliti dan bertanggungjawab, Imam Samudera sepatutnya melakukan rujukan silang kepada karya sarjana Islam lain untuk mendapat pandangan kedua yang lebih baik. Tetapi sayangnya hal ini tidak dilakukan, seolah-olah tindakan pembunuhan Bali itu perkara biasa, di mana keputusan untuk melakukannya hanya patut dirujuk kepada satu karya ulamak sahaja.
2. Ia mendasarkan tindakan jihad pengeboman Bali kepada beberapa ayat Quran terpilih yang sesuai dengan kehendaknya. Dalam soal ini, ia melakukan justifikasi yang bersifat simplistik dengan menundukkan Quran agar sesuai dengan kehendak asalnya. Tindakan ini dapat dikategorikan sebagai penyakit kekeliruan ilmu yang secara langsung menjejaskan pemahaman mereka terhadap hakikat maqasid yang sebenar. Ianya merangkumi;<sup>42</sup>
  - a. *Subjektiviti*; mengambil sikap tertentu yang tidak matang terhadap sesuatu nas akibat kejahilan memahami Islam secara holistik.
  - b. *Manipulasi*; melepaskan dalil syarak dari situasi dan realiti semasa sesuatu nas syarak di turunkan.
  - c. *Interpolasi*; memasukkan nas ke dalam kerangka berfikir tertentu, seperti faham sosialisme yang telah secara kuat dipegang oleh seseorang yang memang bertentangan dengan prinsip Islam.

---

<sup>38</sup> Khairunnas Rajab (2010), Keganasan : Telaah Terhadap Konsep Jihad Fi Sabillah, *Jurnal Syariah*, v. 18, no 3, h. 603-628.

<sup>39</sup> Jawapan Islam yang menjaga kebajikan rakyat bukan Islam boleh dilihat dalam Harda Armayanto (2013), Etika Al-Quran Terhadap Non-Muslim, *Jurnal Tsaqafah*, V. 9, No 2, h. 289-305.

<sup>40</sup> Abdul Waid (2014), ISIS: Perjuangan Islam Semu Dan Kemunduran Sistem Politik : Komparasi Nilai-Nilai Keislaman ISIS Dengan Sistem Politik Kekinian, *Proceeding AICIS XIV*, Kerjasama Direktorat Jenderal Pendidikan Islam Kementerian Agama RI Dengan STAIN Samarinda, h. 131-144.

<sup>41</sup> John Calvert (2007), The Striving Shaykh Abdullah Azzam And The Revival Of Jihad, *Journal Of Religion And Society*, Supplement Series 2, h. 1-22.

<sup>42</sup> Amir Mualim, (2004) *Ijtihad Dan Legislati Muslim Kontemporer*, Yogyakarta : UII Press, h. 54-56

d. *Inakurasi*; sikap ketidaktahuan dan ketidaktelitian berpegang kepada nas yang tidak valid dan tidak relevan dalam menanggapi sesuatu persoalan yang timbul.

Dalam bukunya, Imam Samudera menjelaskan bahawa pengeboman Bali merupakan tindakan balas dendam kepada kuasa barat yang telah menyerang kaum muslimin yang tidak berdaya.<sup>43</sup> Sebagai hujahnya, ia telah memberikan ayat Quran: “*Dan perangilah kaum musyrikin itu semuanya sebagaimana merekapun memerangikamu, (wahai orang-orang yang bertakwa), semuanya dan ketahuilah bahwasannya Allah beserta orang-orang yang bertakwa.*” (Q. S. 9:36). Ia mengakui, walaupun pada dasarnya membunuh atau menyerang orang awam adalah haram, tetapi karena Amerika dan sekutunya juga telah melampaui batas dengan membunuh kaum muslim, maka menyerang dan membunuh mereka merupakan tindakan adil. Dia memetik Ayat Al-Qur’an menegaskan: “*Barangsiapa yang menyerang kamu, maka seranglah ia, seimbang dengan serangannya terhadapmu. Bertakwalah kepada Allah dan ketahuilah, bahwa Allah beserta orang-orang yang bertakwa. Dan jika kamu memberikan balasan, Maka balaslah dengan Balasan yang sama dengan siksaan yang ditimpakan kepadamu. Akan tetapi jika kamu bersabar, sesungguhnya Itulah yang lebih baik bagi orang-orang yang sabar.*” (Q. s. 16:126).

Imam Samudera mendakwa operasi Bom Bali dilakukan bersesuaian dengan tahap-tahap jihad, seperti mana terdapat dalam buku *Tarbiyah Jihadiyah* karya Abdullah Azzam dan *Tafsir Ibn Katsir. Tahap Jihad Pertama* adalah tahapan menahan diri – seperti mana dilakukan oleh Rasulullah di Mekah. *Tahap Jihad Kedua* adalah diizinkan berperang, apabila penyiksaan dan kekejaman semakin bertambah sebagaimana firman Allah “*Telah diizinkan (berperang) bagi orang-orang yang diperangi, karena Sesungguhnya mereka telah dianiaya. dan Sesungguhnya Allah, benar-benar Maha Kuasa menolong mereka itu, (yaitu) orang-orang yang telah diusir dari kampung halaman mereka tanpa alasan yang benar, kecuali karena mereka berkata: "Tuhan Kami hanyalah Allah". dan Sekiranya Allah tiada menolak (keganasan) sebagian manusia dengan sebagian yang lain, tentulah telah dirobohkan biara-biara Nasrani, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat orang Yahudi dan masjid-masjid, yang di dalamnya banyak disebut nama Allah. Sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong (agama)-Nya. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha kuat lagi Maha perkasa*” (Q. s. 22:39-40). Hal ini diikuti dengan Tahap ketiga bila mana dibenarkan melawan orang kafir dengan perang yang terbatas (Q. s. 2:190;2:216).

Akhirnya, dalam Tahap keempat telah difardukan memerangi seluruh kaum kafir dan musyrik, “*...maka bunuhlah orang-orang musyrik itu di manapun kamu jumpai mereka...*” (Q. s. 9:5). “*Sesungguhnya bilangan bulan pada sisi Allah adalah dua belas bulan, dalam ketetapan Allah di waktu Dia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan haram. Itulah (ketetapan) agama yang lurus, maka janganlah*

---

<sup>43</sup> Abdul Azis alias Imam Samudra alias Qudama (2004), *Aku Melawan Teroris*, Editor Bambang Sukirno, Solo: Jazeera.

*kamu menganiaya diri kamu dalam bulan yang empat itu, dan perangilah kaum musyrikin itu semuanya sebagaimana merekapun memerangi kamu semuanya, dan ketahuilah bahwasanya Allah beserta orang-orang yang bertakwa”* (Q. s. 9:36). Imam Samudra menegaskan Bom Bali merupakan tahap jihad keempat yang mengandung perintah jihad secara opensif. Jihad itu harus dilakukan oleh kaum muslimin ke atas semua masyarakat barat sampai tidak ada lagi kemunggaran di muka bumi dan sampai agama Allah unggul di atas agama lain(Q. s. 9:33; 61:9).

Merujuk kepada tindakan bom bunuh diri, Imam Samudera memberikan justifikasi dengan beberapa hadis dan ayat Al-Qur’an. Ia merujuk pada kitab karya Ibn Nuhas yang memuat 16 hadis tentang tindakan beberapa orang yang menyerang musuh tanpa menghiraukan keselamatan dirinya. Tindakan ini sesuai dengan ayat Al-Qur’an yang pernah dibacakan Abu Hurairah di hadapan orang ramai,“(Tetapi) ada juga di antara manusia yang mengorbankan dirinya untuk mencari keredhaan Allah...”(Q. s. 2:207). Karena itu, menurutnya operasi bunuh diri, *istimata* atau *istisyhad* adalah sah. Bahkan apabila merujuk pada Ibn Nuhas, tindakan ini menurut Imam Samudera sangat digalakkan.

Pandangan Imam samudera yang mewakili ideologi salafi jihad telah mendapat tentangan daripada ramai ulamak Islam Indonesia. Alasan mereka dapat dirumuskan kepada;

- Tipologi *dar Harb* dan *Dar Islam* sudah tidak boleh dipakai lagi untuk konsteks zaman moden, memandangkan telah berlaku perubahan besar hubungan antara manusia sedunia. Menurut Tariq Ramadan dalam bukunya *To Be a European Muslim*, tipologi ini tidak ditemukan nasnya dalam Al-Qur’an dan Sunnah. Konsep ini didapati bertentangan dengan prinsip Islam sebagai Rahmah untuk sekalian alam. Lebih khusus lagi, Tariq Ramadan menegaskan bahawa konsep ini sepatutnya perlu berubah kerana semua peta geografi dunia telah menjadi seumpama perkampungan kecil (global) dengan perubahan yang semakin kompleks.<sup>44</sup>
- Menurut Muhammad Haniff bin Hassan, ayat-ayat al-Qur’an yang dipakai oleh Imam Samudra tidak sesuai dengan konteks asbab nuzulnya dan bertentangan dengan fakta sejarah terkemudian. Imam Qurthubi dan At-Tabari menunjukkan pandangan Mujahid bahawa (Musuhmu) tidak akan berhenti memerangi kamu (2:217) diwahyukan kerana kekejaman suku Quraisy Mekah terhadap Muslim. Ianya tidak bersifat kekal hingga kiamat, kerana terbukti kaum Quraisy di zaman kemudiannya telah memeluk Islam. Lagipun, kuasa mengisytiharkan perang perlu dilakukan oleh khalifah dan bukannya individu tertentu sahaja.
- Ia juga wajib tertakluk kepada peraturan yang agak ketat dan tidak melakukan keganasan yang melampaui batas.

---

<sup>44</sup> Yoyo Hambali (2010)Hukum Bom Bunuh Diri Menurut Islam Radikal dan Islam Moderat, *Maslahah*, Vol.1, No. 1, h. 40-62.

- Dasar hubungan Muslim dan non-Muslim dalam Islam adalah berasaskan prinsip kedamaian dan keharmonian, bukannya melalui jihad fizikal semata-mata.

### ***Sikap Memusubi Pemodenan Dan Kuasa Barat Secara Mutlak.***

Golongan salafi jihad secara ekstrem menolak pemodenan kerana paradigma mereka yang mengembalikan warisan sistem khalifah Islam. Ia dianggap akan menghasilkan sistem pemerintahan Islam sejati. Lebih buruk lagi, mereka menisbahkan dunia barat secara mutlak sebagai pusat kekuasaan gelap yang anti Islam<sup>45</sup> ataupun sebagai diabolisme (pengikut tabiat Syaitan)<sup>46</sup>. Sedangkan terdapat beberapa tokoh gerakan Islam yang mengakui nisbah kebaikan yang dimiliki oleh masyarakat dan kerajaan barat itu sendiri. Sejarah mencatatkan bagaimana ramai daripada tokoh gerakan Islam yang ditindas oleh pemerintah Negara umat Islam telah berhijrah ke negara barat yang kemudiannya bertanggungjawab memperkembangkan semangat kebangkitan semula Islam di daerah baru yang amat kondusif (Civil society) yang mampu memberi ruang untuk memperkembangkan kebebasan intelektual.<sup>47</sup>

### ***Sikap ekstrem dalam menghadapi Fenomena Manusia adalah Insan Homo Conflictu.***<sup>48</sup>

Golongan salafi jihad enggan menerima hakikat bahawa setiap manusia pasti akan ada perbezaan pendapat yang menuntut diamalkan sikap keterbukaan di dalam perbezaan. Hal ini memang menjadi Sunnatullah dan fitrah semulajadi manusia. Sebaliknya dalam banyak hal mereka memaksa orang lain menerima pandangan mereka. Andainya kehendak dan pandangan mereka tidak diterima, mereka akan mengkafirkan lawan mereka. Hal ini terbukti apabila mereka berpegang kuat kepada konsep takfir yang menghalalkan darah orang yang bertentangan pendapat dengan mereka. Ia secara langsung telah mengabaikan dan meruntuhkan adab ikhtilaf yang disusun oleh fuqaha Islam.

### ***Menafikan Prioriti Yang Diperlukan Untuk Perjuangan***

Bagi mereka, soal prioriti yang termasuk persoalan hikmah dan adab (tentang apa yang perlu diutamakan dalam perjuangan) memang tidak wujud sama sekali. Seperti mana khawarij, salafi jihad berjuang untuk mewujudkan khalifah Islam yang bakal melaksanakan syariah. Disebalik cita-cita murni ini, beberapa perkara boleh dipersoalkan;

---

<sup>45</sup> Adian Husaini (2005), *Wajah Peradaban Barat*, Jakarta : Gema Insani.

<sup>46</sup> Syamsuddin Arif (2008), *Orientalis Dan Diabolisme Pemikiran*, Jakarta : Gema Insan, h. 143-147.

<sup>47</sup> Rahimin Affandi Abd Rahim, (2007) “ Etika Kepimpinan Islam Dan Isu Pembangunan Di Malaysia : Satu Analisis “, dalam *Prosiding Seminar Kepimpinan Islam Peringkat Antarabangsa*, anjuran APIUM, pada 10-11 Julai 2007, h. 34-47

<sup>48</sup> Mohd Anuar Ramli (2016), *Pendekatan Wasatiyyah*. *Op.cit.*



Pertama, konsep khalifah mereka adalah kabur dan lebih berupa utopia semata-mata. Sebab utamanya, mekanisme penubuhan sistem Khalifah seperti mana dilakukan oleh ISIS langsung tidak mematuhi formula fuqaha siyasah syariah. Hal ini dilakukan secara kabur tanpa ada persetujuan Ahl Hall Wal aqdi, di samping ianya dilakukan secara paksaan kepada semua ahli masyarakat tempat ia ditubuhkan.<sup>49</sup>

Kedua, sebelum hasrat menegakkan khalifah Islam dapat dilakukan, sepatutnya usaha pembangunan infrastruktur keilmuan melalui kegiatan ilmu perlu diutamakan. Rasionalnya, ia bakal melahirkan aset (tenaga kerja) untuk menjayakan negara Islam yang berdaulat. Secara terang-terangan mereka tidak mementingkan proses pencarian ilmu. Kerana mereka diajar menjadi fanatik berpegang kepada ajaran salafi jihad semata-mata. Mereka tidak mementingkan pengajian dan kajian ilmiah untuk membangunkan sistem fiqh Islam, kerana menganggap semua jawapan Islam memang terdapat secara lengkap dalam al-Quran dan sunnah yang hanya perlu dilaksanakan. Hal ini secara jelas menunjukkan kejahilan mereka, kerana;

1. Al-Quran dan sunnah hanyalah sumber asas untuk sistem fiqh Islam, manakala yang selebihnya adalah penggunaan intelektual umat manusia terhadap kedua sumber tersebut.<sup>50</sup>
2. Teks kandungan al-Quran dan al-sunnah yang berkaitan dengan perkara perundangan amat terbatas dari segi jumlahnya, sedangkan persoalan dan permasalahan yang sentiasa timbul di dalam kehidupan manusia pula adalah tidak terbatas. Atas sebab ini ijtihad telah diperkenalkan dan dianggap sebagai mampu untuk bertindak menyelesaikan masalah ini.<sup>51</sup>

Atas dasar itu, sistem perundangan Islam amat memerlukan usaha penyelidikan ijtihad berasaskan akal untuk terus berkembang. Ia bakal membuktikan bahawa sistem perundangan Islam sebagai lengkap dan sesuai untuk sebarang tempat, keadaan dan zaman, kerana ianya didokong dengan penggunaan penyelidikan ijtihad yang berterusan.<sup>52</sup>

Jadi, kita dapat menjangka bahawa gerakan salafi jihad ini tidak akan bertahan lama kerana tidak mempunyai asas intelektual yang kukuh. Sebaliknya ia hanya akan membinasakan umat Islam dan terpenting sekali merosakkan citra Islam di mata masyarakat antarabangsa. Hal ini sangat bertepatan dengan apa diperkatakan oleh Wan Mohd Nor Wan Daud menegaskan bahawa: “ *iman ataupun amalan keagamaan jika tidak didasarkan kepada ilmu yang luas dan mendalam, hanyalah*

---

<sup>49</sup> Abdul Waid (2014), ISIS: Perjuangan Islam Semu Dan Kemunduran Sistem Politik : Komparasi Nilai-Nilai Keislaman ISIS Dengan Sistem Politik Kekinian, *Proceeding AICIS XIV*, Kerjasama Direktorat Jenderal Pendidikan Islam Kementerian Agama RI Dengan STAIN Samarinda, h. 131-144

<sup>50</sup> Gibb (1962), *Mohammedanism*, New York : Oxford, h. 74.

<sup>51</sup> Ibn Qayyim (1969), *Ilam al-Muwaqqi'in*, Kaherah, v. 2, h. 20-21.

<sup>52</sup> Subhi Mahmassani (1987), *The Philosophy Of Jurisprudence In Islam*, Kuala Lumpur, h. 105.

seperti bangunan di atas pasir yang tidak berdiri teguh. Jika iman didasarkan kepada ilmu, ianya bukan sahaja akan mengukuhkan peribadi berkenaan malah akan memberi kesejahteraan kepada manusia dan alam.”<sup>53</sup>

## SIMPULAN

Sebagai rumusan akhir, beberapa perkara boleh ditekankan. *Pertama*, umat Islam khususnya kalangan akademia perlu memanfaatkan konsep maqasid syariah yang dibina oleh fuqaha silam. Ia perlu dijadikan landasan untuk bertindak dan menilai apa-apa perkembangan ilmu ataupun tren yang berkembang dalam masyarakat. Konsep maqasid ini bakal menjadikan tamadun umat Islam maju dan mendapat keredaan Allah. *Kedua*, hasil analisa maqasid yang dilakukan terhadap gerakan salafi jihad ternyata sekali ianya adalah gerakan neo-khawarij bentuk baru dengan idealism lama. Seperti mana gerakan khawarij silam menimbulkan kemusnahan yang begitu tragis kepada umat Islam, hal yang sama boleh dilihat kepada gerakan salafi jihad semasa. Umat Islam dari segenap lapisan masyarakat wajib memerangi gerakan ekstremism ini agar benih-benih dapat dihapuskan sama sekali daripada muka bumi ini.

## DAFTAR PUSTAKA

- Abdul Azis alias Imam Samudra alias Qudama (2004), *Aku Melawan Teroris*, Editor Bambang Sukirno, Solo: Jazeera.
- Abdul Waid (2014), *ISIS: Perjuangan Islam Semu Dan Kemunduran Sistem Politik: Komparasi Nilai-Nilai Keislaman ISIS Dengan Sistem Politik Kekinian*, *Proceeding AICIS XIV*, Kerjasama Direktorat Jenderal Pendidikan Islam Kementerian Agama RI Dengan STAIN Samarinda, h. 131-144.
- Adian Husaini (2005), *Wajah Peradaban Barat*, Jakarta: Gema Insani.
- Ahmad Sauffiyan (2016), *Daesh Isytihar Perang Terhadap Malaysia: Satu Tinjauan Awal*, [www.researchgate.net/publication/304554345](http://www.researchgate.net/publication/304554345).
- Al-Makin (2013), *From Musaylima To The Kharijite Najdiyya*, *Al-Jami'ah*, v. 15, no 1, h. 35-53.
- Amir Mualim, (2004) *Ijtihad Dan Legislasi Muslim Kontemporer*, Yogyakarta: UII Press, h. 54-56
- Barbara P. Benson (2015), *The U. S. Counterterrorism Strategy: Addressing Radical Ideologies*, Tesis Sarjana Naval Academy, Fort Leavenworth, Kansas
- Bruce Andrews Eggers (2011), *Addressing The Cause: An Analysis Of Suicide Terrorism*, Tesis Sarjana Untuk Colorado State University.
- Bubalo, A., & Fealy, G. (2005). *Joining the Caravan? The Middle East, Islamism and Indonesia* New South Wales, The Lowy Institute for international Policy, h. 7
- Carr, C. (2002). *The Lessons of Terror*. London, Little Brown, h. 239-240
- Craig Anthony Green (2009), *The Khawaarij And The Creed Of Takfeer: Declaring A Muslim To Be An Apostate And Its Effects Upon The Modern Day Islamic Movement*, Tesis Sarjana Untuk University Of South Africa.

---

<sup>53</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud (1990), “Budaya Ilmu Sebagai Asas Pembangunan Tamadun”, dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, v. 3, bil. 1, h. 51-67.

- Craig Anthony Green (2009), *The Khawaarij And The Creed Of Takfeer: Declaring A Muslim To Be An Apostate And Its Effects Upon The Modern Day Islamic Movement*, Tesis Sarjana Untuk University Of South Africa.
- Dickson, L. W. (2015), *Lone Wolf Terrorism. A Case Study: The Radicalization Process of a Continually Investigated & Islamic State Inspired Lone Wolf Terrorist*, Degree project, Malmö University.
- Douglas M. Weeks (2013), *Radicals And Reactionaries: The Polarisation Of Community And Government In The Name Of Public Safety And Security*, Tesis Ph. D Untuk University Of St Andrews, Scotland.
- Erich Iviarquardt & Christopher Heffelfinger (t. t. ), *Terrorism & Political Islam: Origins, Ideologies, And Methods A Counterterrorism Textbook*, 2nd Edition, United States Military Academy, West Point, New York.
- Erika Mae Lorenzana Del Villar (2013), *Terror As A Social Movement Tactic: Applying The Multi-Institutional Politics Apparoch To The Case Of Abu Sayyaf Group*, Tesis Sarjana Untuk University Of Connecticut.
- Gibb (1962), *Mohammedanism*, New York: Oxford, h. 74.
- Gregory R. Kippe (2010), *Jemaah Islamiyyah: Reevaluating The Most Dangerous Terrorist Threat In Southeast Asia*, *Master Of Arts In Security Studies, Naval Postgraduate School*.
- Hamidreza Mohamadi Najafabadi (2014), *Application Of Theory Of Social Forces: A Case Study Of Khawarij During The Reign Of Hazrat Ali*, *International Journal Of Social Science And Education*, v. 4 issue 4, h. 772-780.
- Hashim Musa (2004), *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia Menghadapi Globalisasi Barat*, Kuala Lumpur: Penerbit UM, h. 232.
- Ibn Khaldun, *Muqaddimah Al-'Allamah Ibn Khaldun*, Dar Al-Fikr, T. T., h. 82-95.
- Ibn Qayyim (1969), *I'lam al-Muwaqqi'in*, Kaherah, v. 2, h. 20-21.
- Idris Zakaria (2003), "Islam dan Amalan Toleransi di Nusantara", dalam *Jaringan Dakwah Malaysia Indonesia*, Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), h. 150-164.
- Jawapan Islam yang menjaga kebajikan rakyat bukan Islam boleh dilihat dalam Harda Armayanto (2013), *Etika Al-Quran Terhadap Non-Muslim*, *Jurnal Tsaqafah*, V. 9, No 2, h. 289-305.
- Jeanine De Roy Van Zuijdewjin (2014), *Fearing The Western Muslim Foreign Fighter: The Connection Between Fighting The Defensive Jihad And Terrorist Activity In The West*, Tesis Ph. D Untuk University Of Utrecht.
- Joas Wagemakers (2014), *Seceders' And 'Postponers'? An Analysis Of The 'Khawarij' And 'Murji'a' Labels In Polemical Debates Between Quietist And jihadi-Salafis*, dalam Jeevan Doel & Zahir Kazmi (Eds), *Contextualising Jihadi Thought*, London: Hurst & Co, h. 145-164.
- John Calvert (2007), *The Striving Shaykh Abdullah Azzam And The Revival Of Jihad*, *Journal Of Religion And Society*, Supplement Series 2, h. 1-22.

- Kamarulnizam Abdullah (2009), The Augmentation Of Radical Ideas And Th Role Of Islamic Educational System In Malaysia, *Studia Islamika: Indonesian Journal For Islamic Studies*, 16 (1), h. 79-106.
- Kate Ferguson (2016), *Countering Violent Extremism Through Media And Communication Strategies: A Review Of The Evidence*, The Partnership For Conflict, Crime And Security Research, University Of Cambridge.
- Khairunnas Rajab (2010), Keganasan: Telaah Terhadap Konsep Jihad Fi Sabillah, *Jurnal Syariah*, v. 18, no 3, h. 603-628.
- Maklumat ini boleh didapati secara lengkap dalam Mohd Mizan Mohammad Aslam (2009), *A Critical Study Of Kumpulan Militant Malaysia, Its Wider Connections In The Region And The Implications Of Radical Islam For The Stability Of Southeast Asia*, Tesis Ph. D Untuk Victoria University Of Wellington, h. 132-148.
- Mikaila Ellis Altenbern (2011), *Prospects For Resolving Conflicts Involving Religious Terrorists: Afghanistan, The Taliban And Strategic Jihad*, Tesis Sarjana Untuk University Of Malta.
- Mohamed Bin Ali (2012), *The Islamic Doctrine Of Al-Wala Wal Bara (Loyalty And Disavowal) In Modern Salafism*, Tesis Ph.D University Of Exeter, h. 155-187.
- Mohamed Bin Ali (2012), *The Islamic Doctrine Of Al-Wala Wal Bara (Loyalty And Disavowal) In Modern Salafism*, Tesis Ph.D University Of Exeter, h. 188-219.
- Mohd Anuar Ramli (2016), *Pendekatan Wasatiyyah Bagi Menangani Ikhtilaf Fiqh Dalam Kalangan Masyarakat Islam Nusantara*, www. researchgate.net/publication/281642939
- Mohd Mizan Mohammad Aslam (2009), *A Critical Study Of Kumpulan Militant Malaysia, Its Wider Connections In The Region And The Implications Of Radical Islam For The Stability Of Southeast Asia*, Tesis Ph. D Untuk Victoria University Of Wellington.
- Mohd. Noor Mat Yazid (2014), Colonial Policy And The Impact To The Politico-Economy Stability After Independence: The Case Of Indonesia Under The Dutch And Malaysia Under The British, *Review of History and Political Science*, December 2014, Vol. 2, No. 3 & 4, h. 69-84.
- Quitan Wiktorowicz (2005), A Genealogy Of Radical Islam, *Studies In Conflict And Terrorism*, v. 26, h. 75-97.
- Rahimin Affandi Abd Rahim, (2007) “ Etika Kepimpinan Islam Dan Isu Pembangunan Di Malaysia: Satu Analisis “, dalam *Prosiding Seminar Kepimpinan Islam Peringkat Antarabangsa*, anjuran APIUM, pada 10-11 Julai 2007, h. 34-47
- Seth G Jones (2014), *A Persistent Threat: The Evolution of Al-Qa'ida and Other Salafi Jihadist*, London: Rand Corporation, h. 93
- Sihabuddin Afroni (2016), Makna *Ghuluw* Dalam Islam: Benih Ekstremisme Beragama, *Wawasan* 39, no 1, h. 71-87.
- Subhi Mahmassani (1987), *The Philosophy Of Jurisprudence In Islam*, Kuala Lumpur, h. 105.

- Syamsuddin Arif (2008), *Orientalis Dan Diabolisme Pemikiran*, Jakarta: Gema Insan, h. 143-147.
- Wan Mohd Nor Wan Daud (1990), “Budaya Ilmu Sebagai Asas Pembangunan Tamadun”, dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, v. 3, bil. 1, h. 51-67.
- Wan Mohd Nor Wan Daud (2010), ‘Containing Muslim Extremism and Radicalism’ *International Journal of the Malay World and Civilisation* 28(1), h. 241-252.
- Wattana Sugunnasil (2006), Islam, Radicalism And Violence In Southern Thailand, *Critical Asian Studies*, 38:1, h. 119-144.
- Yoyo Hambali (2010) Hukum Bom Bunuh Diri Menurut Islam Radikal dan Islam Moderat, *Maslahah*, Vol. 1, No. 1, h. 40-62.
- Zulkarnain Haron (2013), A Study Of The Salafi Jihadist Doctrine And The Interpretation Of Jihad By Al-Jamaah Al-Islamiah, *Kemanusiaan*, v. 20, no 2. H. 15-37
- Zulkifli Mohd Yusoff (2005), Gerakan Teroris Dalam Masyarakat Islam: Analisis Terhadap Gerakan Jemaah Islamiyah (JI), *Jurnal Usuluddin*, bil 21, h. 39-62.